

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 NOVEMBER 2016

KONVENSYEN UPKO

Pusat sedia runding kepentingan hak Sabah

BH-13/11/2016

➔ Bincang tuntutan berbangkit dalam Perjanjian Malaysia 1963

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Suzianah Jiffar
bhnews@bh.com.my

✦ Penampang

Kerajaan Persekutuan sentiasa membuka pintu rundingan untuk membincangkan hal berbangkit berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dengan parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, berkata Kerajaan Persekutuan bersifat demokratik kerana apa yang lebih utama adalah memastikan Sabah terus maju, di samping menikmati pembangunan seimbang seperti dikecapi Semenanjung.

"MA63 adalah satu dokumen dalam Perlembagaan Malaysia. Kalau tafsirannya perlu dilihat semula, pintu terbuka untuk kita berunding dalam semangat keluarga BN. Saya tak nak ambil hak orang Sabah, hal kepentingan orang Sabah akan diper-



[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

Najib, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman (tiga dari kiri), Tan Sri Bernard Dompok (dua dari kiri), Madius (kiri) dan Setiausaha Agung UPKO, Datuk Donald Peter Mojuntin (kanan) meneliti statistik jumlah keahlian baharu UPKO pada Konvensyen UPKO di Penampang, semalam.

tahkan, tetapi saya minta jangan kata mahu keluar dari Malaysia.

Beri ruang terbuka

"Kita boleh menuntut (hak rakyat Sabah), saya beri ruang terbuka. Kalau orang kata saya tak demokratik, pemimpin yang tahan beratus orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Kamunting dulu, adakah lebih demokratik?"

"Orang itu hari ini kata orang lain tak demokratik, tetapi orang Sabah sedar, bak kata Pemangku Presiden UPKO (Datuk Seri Madius Tangau), kita tahu mana intan dan mana kaca," katanya ketika merasmikan Konvensyen Pertubuhan Pasok Momogun Kadazan Dusun Murut Bersatu (UPKO) 2016 di sini, semalam.

Mengenai permintaan UPKO supaya diberi empat daripada 13 kerusi tambahan diluluskan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah baru-baru ini, Najib berkata, setiap parti komponen berhak membuat tuntutan, namun keputusan akhir nanti ada-

lah demi kepentingan parti.

Katanya, keputusan muktamad dibuat berdasarkan jumlah kerusi yang difikirkan mampu menyumbang kepada kemenangan BN pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 nanti, tidak kira ia ditandingi oleh mana-mana parti dalam BN.

"Ini bukan mengenai jumlah kerusi. Apa yang penting, kalau berunding kita kena memastikan parti dan calon boleh menang. Dalam demokrasi, kemenangan ditentukan menerusi jumlah kerusi yang kita raih, sistem kita tidak ditentukan melalui undi popular.

"Dalam parti memang biasa (tuntut kerusi). Kita dalam BN sentiasa beri pertimbangan, namun keputusan mesti bergantung kepada apa yang terbaik kepada BN sebab kita bukan sahaja nak membentuk kerajaan, malah mahu menubuhkan kerajaan yang kuat," katanya.

Beliau turut meminta semua parti komponen BN di Sabah bekerja lebih kuat untuk mencatat keputusan le-

bih baik pada PRU-14, melebihi 22 kerusi Parlimen daripada 25 yang ada, serta 45 daripada 60 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi pada pilihan raya lalu.

Tingkat taraf ekonomi

Sementara itu, Perdana Menteri meminta Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) mengambil perhatian untuk memberi pinjaman perniagaan kepada etnik Kadazan Dusun dan Murut di Sabah bagi meningkatkan taraf ekonomi masyarakat terbabit.

Najib turut mengumumkan peruntukan RM1 juta untuk mengembangkan bahasa Kadazan Dusun seperti diusulkan UPKO kerana kerajaan sentiasa menggalakkan rakyat belajar bahasa ibunda tanpa mengeneipkan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi.